

## **PENUTUP**

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun 2022 telah dapat diserahkan ke Jabatan Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM23.738 bilion masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan Negeri. Prestasi dan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan Negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap kementerian/jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan pemantauan urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.
- e. Kementerian/jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya dan menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. UAD juga perlu membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya**

**12 September 2023**